



PERDANA
LEADERSHIP
FOUNDATION
YAYASAN
KEPIMPINAN
PERDANA

PERDANA LIBRARY
PERDANA LEADERSHIP FOUNDATION
NEWSPAPER CLIPPING

Newspaper	Utusan Malaysia
Date	23/09/2012

Bajet 2013 dijangka mesra rakyat - Tun Mahathir

UM-23/9/2012

ALOR SETAR 22 Sept. - Bekas Perdana Menteri, Tun Dr. Mahathir Mohamad menjangkakan Bajet 2013 yang bakal dibentangkan oleh Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Tun Razak pada 28 September ini bersifat 'mesra rakyat'.

Beliau berkata, perancangan dan langkah-langkah yang terkandung dalam bajet itu dijangka memberi kesenangan dalam kehidupan setiap lapisan masyarakat serta membantu mengurangkan beban rakyat.



"Saya fikir bajet ini mestilah bajet yang senang untuk rakyat, yang boleh membantu rakyat, tidak menjadi beban kepada rakyat.

"Saya tidak tahu apa isi kan-

dungannya, tapi saya ingat memandangkan pilihan raya tidak lama lagi, jadi ia adalah 'mesra rakyat'," katanya kepada pemberita selepas merasmikan Seminar Transformasi Ekonomi Negara: Peluang Keusahawanan Wanita Komuniti Cina di sini hari ini.

Dr. Mahathir berkata, salah satu langkah yang biasa diambil oleh kerajaan untuk tidak membebankan rakyat ialah dengan tidak menaikkan kadar cukai kecuali ke atas pro-

duk tertentu.

"Kalau mahu naikkan cukai rokok dan arak, itu tak mengapa, tetapi yang lain jangan naik," jelasnya.

Sementara itu, beliau berkata, DAP sepatutnya mengambil tindakan disiplin terhadap Pengerusi DAP Perak, Datuk Ngeh Koo Ham kerana sengaja membangkitkan kemarahan umat Islam dengan memertikaikan tindakan membantah penyiaran filem, Innocence of Muslims.

"DAP jangan sengaja buat orang Islam marah sebab mereka pun mahu sokongan daripada orang Islam, sepatutnya sedia diambil tindakan," katanya.

Ditanya sikap DAP yang tidak menghormati pandangan Pas dalam isu itu, Mahathir berkata:

"Memang pun, DAP dan Pas tak boleh bersama, mereka seperti kucing dan anjing, nanti akan berperang, tambah kalau ada dalam kerajaan, hari-hari asyik bercakar."